

KUALA LUMPUR, 9 MEI (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGESYOR DITUBUHKAN PERSATUAN KEBANGSAAN PARA PERUNDING PENGURUSAN BAGI MEMBANTU PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

KATANYA, PERSATUAN SERUPA ITU HENDAKLAH DITUBUHKAN OLEH PARA PERUNDING ATAU KONSULTAN YANG DIKTIRAF.

TIMBALAN PERDANA MENTERI KENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN SEMINAR ENAM HARI MENGENAI KEUPAYAAN PERUNDINGAN PENGURUSAN BAGI SEKTOR SWASTA DI ASIA DISINI.

SEMINAR ITU, DIANJURKAN OLEH PUSAT ASIA BAGI PEMBANGUNAN PENTADBIRAN (ACDA), DIHADIRI OLEH 27 ORANG PESERTA DARI SEMBILAN BUAH NEGARA, IAITU INDIA, INDONESIA, MALAYSIA, PAKISTAN, FILIPINA, SINGAPURA, SRI LANKA, THAILAND, UNITED KINGDOM DAN WAKIL-WAKIL BANGSA-BANGSA BERSATU.

KATANYA, PERSATUAN TERSEBUT BOLEH MENDAPAT FAEDAH DARI PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DISAMPING MENGEKALKAN MUTU PRESTASI SERTA ETIK BAGI KERAJAAN DAN USAHAWAN YANG MEMERLUKAN KHIDMAT PERUNDINGAN.

BELIAU MENAMBAH, LANGKAH TERSEBUT JUGA AKAN MENGGALAKKAN LAGI PENGGUNAAN KHIDMAT PERUNDINGAN BAGI MEMPERKUKUHKAN LAGI KEUPAYAAN PENGURUSAN DAN PENGELUARAN PERBADANAN-PERBADANAN AWAM.

— BERSAMBUNG 1305/SZ

MAHATHIR-PENGURUSAN 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT BEBERAPA HALANGAN YANG DIHADAPI OLEH KHIDMAT PERUNDINGAN.

ANTARANYA IALAH KEKURANGAN PENGETAHUAN TENTANG PERATURAN-PERATURAN KERAJAAN OLEH PARA PERUNDING, TERUTAMANYA PERUNDING ASING, DAN PROSES-PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

AKIBATNYA, CADANGAN-CADANGAN MEREKA ITU KEBANYAKANNYA TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN, TAMBAH BELIAU.

LAIN-LAIN HALANGAN TERMASUK BAYARAN PERUNDINGAN YANG TERLALU TINGGI, SIKAP TERAGAK-AGAK PARA PENGURUS PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KERAJAAN UNTUK MENDEDAHKAN BERBAGAI KEKURANGAN DAN KELEMAHAN KEPADA PARA PERUNDING SWASTA DAN KEGAGALAN PARA PENGURUS SEKTOR AWAM MENGESAN MASALAH-MASALAH SEBENARNYA.

KERAP KALI JUGA PARA PENGURUS TERSEBUT TIDAK MENYETUJUI SYOR-SYOR ATAU CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PARA PERUNDING BAGI SATU-SATU TUGAS ITU, KATANYA.

DR. MAHATHIR MENAMBAH, PARA PERUNDING AWAM DAN SWASTA HENDAKLAH BEKERJASAMA UNTUK MEMPASTIKAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN DIBAWAH RMT DILAKSANAKAN DENGAN CEPAT LAGI BERKESAN.

— BERSAMBUNG 1307/SZ

EE

B531

MAHATHIR-PENGURUSAN 3 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MERASAKAN BAHAWA MASANYA TELAH TIBA BAGI KERAJAAN-KERAJAAN DI RANTAU INI MENINGKATKAN PARA PERUNDING PENGURUSAN MEREKA SENDIRI KE TARAF PROFESIONAL BAGI MEMBANTU PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PARA PERUNDING TEMPATAN DAN PERUNDING ASING.

BELIAU JUGA MENEGASKAN TENTANG PENTINGNYA PENGLIBATAN PARA PERUNDING BAGI MEMPERCEPATKAN PROSES PEMBANGUNAN DI SAMPING MENINGKATKAN PRESTASI PENGURUSAN DI SEMUA PERINGKAT.

TERDAHULU DARI ITU, PENGARAH ACDA, ENCIK B. MAHADEVA BERKATA, SEMINAR TERSEBUT BERTUJUAN MENGGALAKKAN DIALOG YANG BERKESAN ANTARA PEMBEKAL DENGAN PENGGUNA KHIDMAT PERUNDINGAN. -- BERNAMA 1310/SZ